

KEPERLUAN KEMAHIRAN SAINS DAN TEKNOLOGI DALAM PENGURUSAN RUMAH TANGGA DAN KERJAYA MASA KINI

Naemah Hamzah
Mohd Ismail Mustari
Bushrah Basiron

Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia, abawidad@utm.my

Suggested Citation:

Hamzah, N., Mustari, M. I., & Basiron (2013). Keperluan Kemahiran Sains dan Teknologi dalam Pengurusan Rumah Tangga dan Kerjaya Masa Kini in *Seminar on Science, & Technology 2013* on 1st Oktober 2013 by Fakultas Sains dan Teknologi UIN Sunan Kalijaga Yogyakarta and Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia, p. 152-161. ISSN 2339-143X.

ABSTRACT

Semakin ramai wanita menceburkan diri dalam lapangan pekerjaan. Jelasnya, Islam membenarkan wanita keluar rumah untuk bekerja bagi menampung keperluan keluarga dan menyalurkan kepakaran bagi memantapkan ekonomi negara. Lantaran itu, wanita hari ini perlu memiliki pelbagai kemahiran terutamanya dalam sains dan teknologi sebagai sokongan terhadap kecemerlangan kerjaya dan rumah tangga era globalisasi. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif melalui temu bual mendalam bagi mengumpulkan data utama. Temu bual mendalam dijalankan terhadap wanita cemerlang kumpulan pengurusan dan professional sektor awam bagi mengenal pasti kemahiran utama yang diperlukan oleh wanita berkerjaya dan berumah tangga masa kini. Data sokongan temu bual juga melibatkan suami, anak, majikan dan rakan sekerja bagi mewujudkan triangulation data kajian. Seterusnya, dapatan kajian dianalisis secara bertema menggunakan perisian Nvivo 7.0. Pola-pola dapatan kajian ini telah menghasilkan model kemahiran utama yang menyokong kejayaan wanita berkerjaya dan berumah tangga sesuai dengan tuntutan semasa.

REFERENCES

- Abu Malik Kamal al-Sayid Salim (2010). *Fiqih Sunnah Wanita*. (Terjemah Oleh M.Taqdir Arsyad), Jakarta Timur: Griya Ilmu.
- Abu Malik Kamal Al-Sayid Salim (2012). *Ensiklopedia Fiqah Wanita Muslimah* (Terjemah Mohd Sofwan Amirullah). Selangor: JASMINE Enterprise.
- Al-Buty, Muhammad Sa'ied Ramadan (1996). *Al-Mar'ah Baina Thu'yan an-Nizham al-Gharbiy Wa Lathoifi At-Tasyri' al-Rabbani*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Al-Hashimi, Muhammad Ali (2005). *The Ideal Muslimah, Syakhsyiyah al-Mar'ah al-Muslimah*. Saudi Arabia: International Islamic Publishing House (IIPH).
- Al-Khin, Mustofa, al-Bugho, Mustofa, dan Ali Asy Syarbaji (1996). *Al-Fiqhu manhaji 'ala Mazhabi allmam al-Syafie*. Beirut: dar al-Qalam.
- Al-Qardawi, Yusof (1998). *Fatawa Mu'asarah*. Kuwait: Dar al-Qalam li Al-Nasri wa al-Tauzi.
- Al-Zuhaili, Wahbah (2008). *Al-Fiqhu al-Islami wa Adillatuhu*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Basri bin Ibrahim al-Hasani al-Azhari (2007), *Fiqh Perbandingan Isu-isu Fiqh Terpilih*, Kuala Lumpur: al-Hidayah Publishers.
- Buletin Jabatan Perangkaan Malaysia 2010. Bushrah Basiron (2006). *Wanita Cemerlang*. Skudai: Universiti Teknologi

Malaysia.

- Chua Yan Piaw (2011). *Kaedah Penyelidikan Edisi Kedua*. Serdang: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Djajadi, Muhammad and Sumintono, Bambang and Mislana, Nora (2012) Usaha guru fisika dalam mengembangkan profesionalnya: studi kasus di Kota. Makasar. *Jurnal Pengajaran MIPA*, 17 (2). pp. 226-237.
- Gall, Joyce P., Gall, M.D., and Borg, Walter R. (2005). *Applying Educational Research a Practical Guide*. Boston: PEARSON.
- Kamarul Azmi Jasmi dan Siti Fauziyani Md. Saleh @ Masrom (2007). *Pendidikan dan Pembangunan Keluarga Cemerlang*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamus Dewan, Edisi Ketiga, (2000). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kaulah Abdul Latief Al-Atiqi, (1999). *Wanita Islam Hari Ini Kerja Dan Fungsinya*. Selangor: Pustaka Ilmi.h.84.
- Megat Zakaria, Megat Aman Zahiri and Aris, Baharudin and Harun, Jamalludin (2007). *Kemahiran ICT di kalangan guru-guru pelatih UTM : satu tinjauan*. Smart Teaching & Learning: Re-engineering ID, Utilization and Innovation of Technology, 2 . ISSN 983-42733-2-3
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (2003). *Reka Bentuk Tinjauan Soal-Selidik Pendidikan*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohamed Sharif Mustaffa, dan Roslee Ahmad (2006). *Bimbingan & Kerjaya Konsep dan Amalan Kontemporari*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Nawi Ab Rahman (2000). *Teras Penyelidikan*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Zuwairi Mad Saad (2010). *Peranan Face Book dalam Memupuk Interaksi antara Budaya*. Dalam Kertas Kerja Seminar Komunikasi antara Budaya, Pusat Pengajian Media dan Komunikasi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mok Soon Sang (2010). *Penyelidikan dalam Pendidikan, Perancangan dan Pelaksanaan Penyelidikan Tindakan*. Selangor : Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Muhammad 'Uqlah (1989). *Nizom al-Ushrah fi al-Islam*. 'Amman: Maktabah al-Risalah al-Hadithah.
- Najib Tun Razak (2013). Kerajaan Komited Terus Perkasa, Upayakan Wanita. Utusan Malaysia. Diperoleh pada 17 Mac 2013.
- Neuman, W. Lawrence (2007). *Basics of Social Research Qualitative and Quantitative Approaches*. 2 Edition. Boston: Pearson
- Nik Safiah Karim (2006). Pencapaian Wanita Malaysia. Dalam Siti Fatimah Abdul Rahman. *Memahami Kedudukan Wanita Berjaya dari Perspektif Islam* (pp.7-17). Selangor: MPH Group Publishing Sdn Bhd.
- Parmjit Singh, Chan Yuen Fook and Gurnam Kaur Sidhu (2006). *A Comprehensive Guide to Writing A Research Proposal*. United Kingdom: Venton Publishing.
- Punteney, K.N (2012). International Careers: The Gap Between Student Interest and Knowledge. *Journal of Studies and International Education*, 16 (4): 390-407.
- Raihanah Azahari (2007). Permasalahan Rumah Tangga: Kajian di Unit Undang-undang Keluarga Jabatan Agama Islam Daerah Petaling, Selangor. *Jurnal Syariah*, 15 (1): 115-128.
- Ranjit Kumar (2011). *Research Methodology*. (3 th Edition). Los Angeles: SAGE.
- Richard Holmes, Hazariah Mohammad and Habibah Ashari (2005). *A Guide to Research in the Sosial Sciences*. Petaling Jaya: Prentice Hall.
- Rincy V.M. dan Panchanatham (2011). An Exploratory Study on the Work Life Balance of Women Entrepreneurs In South India. *Asian Academy of Management Journal*, 16 (2), 77-105.
- Rohany Nasir (2003). *Isu-isu Kaunseling Dan Perkembangan Kerjaya*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Sharifah Hayaati Syed Ismail al-Qudsy (2011). Integriti Menurut Perspektif Islam dan Moden : Asas Sistem Penyampaian dan Perkhidmatan Berkualiti. *Jurnal Pengurusan Awam, Jabatan Perkhidmatan Awam*, 8 (1): 1-24.
- Siti Fatimah Abdullah (1985). Wanita dan Pekerjaan: Satu Analisis Konflik Peranan. *Jurnal Akademia*, (27): 78-93. Siti Zalikah Md. Nor, dan Zaleha Kamaruddin (2010). *Keluarga Syurga, Wanita dan Undangundang*. Kuala Lumpur: Blue-T Publication Sdn Bhd.
- Sohair Abdel Moneim Sery (1995). Wanita Bekerja dan Cabarannya. *Al-Maw'izah Jurnal Pengajian Islam Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia*. (3): 103-104.
- Tiawa, Dayang and Hafidz, Ahmad and Sumarni, Rio (2005) *Aplikasi Perisian NVIVO Dalam Analisis Data Kualitatif*. In: Qualitative Conference, 21-23 August 2005, Sofitel Resort Senai.
- Uwe Flick, Ernst Von Kardorff and Ines Steinke (2004). *A Companion to Qualitative Research*. London: SAGE Publications.
- Welman, Kauger, Mitchell (2005). *Research Methodology*. (3th Edition). Southern Africa: Oxford University Press.
- Zainab al-Ghazali, (2004). *Nasihat Untuk Wanita*, Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

KEPERLUAN KEMAHIRAN SAINS DAN TEKNOLOGI DALAM PENGURUSAN RUMAH TANGGA DAN KERJAYA MASA KINI

Naemah Hamzah¹, Mohd Ismail Mustari²,
Dan Bushrah Basiron³

naemah@utm.my¹
Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia
81300 Johor Bahru.

Abstrak – Semakin ramai wanita menceburkan diri dalam lapangan pekerjaan. Jelasnya, Islam membenarkan wanita keluar rumah untuk bekerja bagi menampung keperluan keluarga dan menyalurkan kepakaran bagi memantapkan ekonomi negara. Lantaran itu, wanita hari ini perlu memiliki pelbagai kemahiran terutamanya dalam sains dan teknologi sebagai sokongan terhadap kecemerlangan kerjaya dan rumah tangga era globalisasi. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif melalui temu bual mendalam bagi mengumpulkan data utama. Temu bual mendalam dijalankan terhadap wanita cemerlang kumpulan pengurusan dan profesional sektor awam bagi mengenalpasti kemahiran utama yang diperlukan oleh wanita bekerjaya dan berumah tangga masa kini. Data sokongan temu bual juga melibatkan suami, anak, majikan dan rakan sekerja bagi mewujudkan triangulation data kajian. Seterusnya, dapatan kajian dianalisis secara bertema menggunakan perisian Nvivo 7.0. Pola-pola dapatan kajian ini telah menghasilkan model kemahiran utama yang menyokong kejayaan wanita bekerjaya dan berumah tangga sesuai dengan tuntutan semasa.

Kata Kunci : Kemahiran; sains dan teknologi; kerjaya; rumah tangga; sektor awam.

1. PENGENALAN

Dahulu wanita dilihat menjalankan peranan dalam rumah tangga yang bersifat asas dan fundamental kemudian berkembang sejajar dengan perkembangan keupayaan wanita dalam pendidikan dan ekonomi sebagai sumber manusia atau guna tenaga mahir negara (Siti Fatimah, 1985; Sharifah Hayaati, 2004; Bushrah, 2006). Melaluinya juga seseorang itu dapat membangunkan potensi diri untuk melakukan sesuatu pekerjaan (Punteney, 2012; Mohamed Sharif dan Roslee, 2006). Perubahan sosioekonomi Malaysia khususnya memberi kesan terhadap peranan dan juga kedudukan wanita di negara ini. Selain itu, masyarakat juga telah mengiktiraf peranan dan sumbangan yang boleh dimainkan oleh wanita terhadap perkembangan dan kemajuan negara (Najib, 2013; Nik Safiah, 2006; Zainab al-Ghazali, 2004; Rohany, 2003).

Wanita hari ini mula berkecimpung dalam lapangan pekerjaan yang lebih tinggi dan mencabar seperti

menjawat jawatan menteri dalam kerajaan, wakil rakyat, duta di kementerian tertentu, pegawai tentera, pilot kapal terbang dan sebagainya (Basri, 2007; Zainab al-Ghazali, 2004). Kerjaya yang kebanyakannya dimonopoli oleh kaum lelaki ternyata memberi cabaran yang lebih hebat kepada wanita yang menceburinya.

Penglibatan ramai wanita dalam dunia pekerjaan dewasa ini juga memberi kesan kepada peranan mereka dalam institusi kekeluargaan. Berlaku ketidakstabilan hidup berkeluarga amat dibimbangi oleh ramai wanita yang bekerjaya. Hal ini akan menimbulkan terjadinya pelbagai masalah di tengah-tengah keluarga disebabkan seseorang ibu yang bekerja terpaksa menghabiskan masa yang banyak di luar rumah (Kaulah, 1999; Basri, 2007). Jenis-jenis aduan terhadap isteri di Jabatan Agama Islam Petaling antaranya sikap isteri yang keluar rumah tanpa izin suami, isteri gagal memenuhi tanggungjawab dalam rumah tangga seperti menjaga anak, mengemas rumah, memasak, tidak melayani keperluan suami dan *nusyuz* serta isteri bebas bergaul di luar rumah (Raihanah, 2007).

Justeru, apabila wanita hari ini terlibat dengan kerjaya maka mereka perlu bijak untuk menguruskan dua tanggungjawab yang berbeza di samping perlu mencapai kecemerlangan serta kesempurnaan dalam kerjaya dan rumah tangga (Ilhaamie *et al.*, 2012; Rincy V. M dan Panchanatham, 2011; Bushrah, 2006; Zainab al-Ghazali, 2004; Sohair, 1995). Lantaran itu, wanita hari ini memerlukan kemahiran yang pelbagai bagi membantu mereka menjalankan kedua-dua amanah dan tanggungjawab yang kian mencabar secara seimbang sepertimana yang dikehendaki oleh Islam.

DEFINISI

Jelasnya, beberapa definisi utama telah diketengahkan sebagai penjelasan berkaitan kajian berkaitan kemahiran utama melibatkan sains dan teknologi sebagai sokongan terhadap kecemerlangan wanita bekerjaya dan berumah tangga masa kini. Definisi terpilih adalah seperti berikut:

Sains

Menurut Kamus Dewan (2000), perkataan “Sains” dari segi bahasa bermaksud ilmu pengetahuan yang teratur (sistematik) yang boleh diuji atau dibuktikan kebenarannya. “Sains” juga membawa maksud cabang

ilmu pengetahuan yang berdasarkan kebenaran atau kenyataan semata-mata. Sains juga merupakan cebisan ilmu yang terhimpun dengan cara tertentu sehingga terbentuknya suatu ilmu yang tersendiri untuk menerangkan sesuatu fenomena alam ini (Mohd Nawi, 2000).

Ilmu "Sains" yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah berkisar ilmu-ilmu berkaitan sains rumah tangga yang wajar diketahui dan dikuasai oleh seseorang wanita agar disiplin ilmu ini membantu wanita menyusun kehidupan seharian mereka dengan lebih teratur dan sistematik bagi mengelakkan konflik. Jelasnya, wanita memerlukan kemahiran-kemahiran dan kecanggihan teknologi masa kini dalam membantu mereka menjalankan tugas dalam kerjaya dan rumah tangga.

Rumah Tangga

Perkataan "rumah tangga" dari segi bahasa bermaksud perihal rumah dan kehidupan dalam rumah, rumah dengan keluarga yang mendiaminya. Sementara penambahan imbuhan "ber" menjadi berumah tangga membawa maksud mengurus rumah tangga, berkeluarga. Pendapatan dan umurnya sudah cukup untuk dia berkahwin (Elaine Higgleton, 2000).

"Rumah tangga" dalam kajian ini menyentuh tentang pengurusan seorang isteri menguruskan rumah tangga seperti melayan suami, menyediakan makanan dan minuman untuk keluarga, menjaga kebajikan dan keselamatan keluarga, mendidik anak-anak dan sebagainya.

Wanita Cemerlang

Menurut Kamus Dewan (2000), perkataan "wanita" dari segi bahasa bermaksud orang perempuan lawan lelaki, kaum-kaum ibu, kaum puteri. Penambahan imbuhan "ke...an" menjadikan "kewanitaan" mencerminkan perihal wanita, sifat-sifat wanita dan keputeriannya.

Sementara itu, dalam *Mu'jam al-Lughah* dan *al-Miftah* (2008:1826-1830) pengertian wanita menurut al-Quran secara etimologi perkataan نساء - *nisa'* (wanita) berasal daripada bahasa Arab yang berakar kata daripada huruf *nun*, *sin* dan *ya'* (*nasiya*) yang beerti lupa sesuatu atau meninggalkan, peluh dicelah paha atau susu yang mencampuri air. Pengertian "lupa sesuatu atau meninggalkan sesuatu" dikaitkan dengan jika tidak diberi peringatan maka wanita menjadi lupa atau meninggalkan tanggungjawabnya. Pengertian "peluh dicelah paha" dikaitkan dengan wanita sebagai tempat memenuhi hawa nafsu kaum lelaki. Manakala pengertian "susu yang mencampuri air" dikaitkan dengan wanita sebagai sumber kebahagiaan dan kenikmatan laksana susu yang mencampuri air enak diminum lagi mengandungi zat yang menyihatkan badan. Sehubungan dengan itu, pengertian wanita dari segi etimologi menunjukkan wanita itu apabila diingatkan akan hak dan peranannya, ia berpotensi untuk menjadi sumber kesukaan, kenikmatan, kebahagiaan dan keturunan dalam kehidupan manusia. Maka wanita amat diperlukan dalam mencapai kenikmatan, kemajuan dan tamadun manusia. Perkataan insan atau manusia juga mempunyai akar kata yang sama nasiya yang beerti lupa. Oleh itu, manusia sama ada lelaki atau wanita tidak

terlepas daripada sifat lupa terhadap hak dan peranannya di dunia ini (Yahaya Jusoh *et al.*, 2005).

Maksud *untha* (wanita) dalam *al-Mu'jam al-Wasit* disebutkan berasal dari perkataan (أنث) *anutha-anuthatan-anathatan* yang bermaksud lemah gemalai, أنثت الحامل - *anaihat al-hamil* membawa maksud wanita melahirkan, أنث في الأمر - *annasa fi al-amr* bererti lembik dan tidak tegas (Ibrahim Mustafa, 1972). Menurut sudut bahasa, memiliki perbezaan yang jelas dengan lelaki sehingga keduanya tidak dapat disamakan (al-Zin, 1994). Oleh itu, seseorang lelaki yang berperwatakan wanita dikatakan sebagai perampasan hak orang lain. Hal ini disebabkan lelaki harus memiliki perangai tersendiri seperti halnya wanita. Kalangan fuqaha pernah menyebut, kaum wanita memiliki ciri-ciri khusus selain struktur fizikal yang membezakannya dengan lelaki. Ciri-ciri itu adakalanya berlainan seperti haid, dan adakalanya samar seperti perangai yang telah terpacat dalam diri setiap wanita (Abdul Qadir, 2011).

Dalam *Webster's New Twentieth Century Dictionary* (1975), perkataan wanita (*woman*) diambil daripada *wim* kemudian ia menjadi *wumman*, *wimmon*, *wifmon*. Ia terus dikembangkan menjadi *wimman* iaitu daripada perkataan *wife* dan *man* yang bermaksud makhluk kejadian atau manusia. Dalam huraian mengenai wanita ia bermaksud makhluk perempuan (*female*) dan ia berbeza daripada lelaki. Ciri-ciri yang disebutkan bagi wanita adalah seperti lemah-lembut, sopan-santun, feminine, penuh emosi dan sebagainya (Mahbob Mahfot, 2005).

Sementara itu, wanita-wanita bagi lelaki atau anak-anak perempuan seperti dalam Surah al-'An'am ayat 139 dan lainnya di dalam al-Quran menggunakan perkataan *azwaj*. Al-Qurtubi menerangkan, "Maksud *azwaj* pada ayat ini adalah anak-anak perempuan mereka sebagaimana yang direkodkan daripada Ibn Zaid." Ulama yang lain berpendapat, ia bermaksud isteri-isteri mereka, di mana susu yang keluar daripada perut haiwan ternak itu halal bagi mereka yang lelaki dan diharamkan bagi isteri-isteri mereka (Zulkifli Mohd Yusoff, 2009). Sekiranya yang lahir daripada perut kambing adalah jantan, mereka menyembelihnya untuk dimakan oleh lelaki mereka sahaja, tanpa mengajak wanita-wanita mereka, dan apabila lahir yang betina, mereka membiarkannya dan tidak menyembelihnya, dan apabila yang keluar adalah bangkai, maka mereka membolehkan wanita-wanita mereka ikut serta memakannya dan Allah melarang perbuatan itu (Zulkifli Mohd Yusoff, 2009).

Wanita dalam kajian ini terhad kepada wanita yang telah berumah tangga dan bekerjaya. Sehubungan dengan itu, wanita yang telah berumah tangga tetapi tidak bekerja atau wanita yang bekerja tetapi belum berumah tangga tidak termasuk dalam kajian ini. Hal ini disebabkan pengkaji perlu memfokuskan kepada tajuk kajian ini yang hanya berkisar tentang fiqh sains rumah tangga dan kerjaya. Wanita cemerlang dalam kajian ini menjurus kepada kumpulan pengurusan dan professional sektor awam gred 54 dan ke atas yang telah diiktiraf sumbangan dan kepakaran mereka dalam bidang masing-masing yang berjaya dalam kerjaya dan rumah tangga serta mengamalkan cara hidup Islam.

Kerjaya

Menurut Kamus Dewan (2000), "kerja" bermaksud usaha (kegiatan, urusan) yang bertujuan untuk

menghasilkan (menyelesaikan, menyediakan dan sebagainya) akan sesuatu. “Kerjaya” pula membawa maksud perjalanan atau kemajuan seseorang dalam sesuatu lapangan kehidupan. Kerjaya juga bermaksud profesion atau pekerjaan yang dipilih sebagai cara mencari nafkah (al-Sartowi, 1997). Menurut Paul dan Jean (2007), kerjaya bermaksud perancangan masa depan dalam sesebuah pekerjaan yang dilakukan atau organisasi yang dipilih bagi memperolehi ganjaran tertentu sehingga mencapai tahap tertinggi.

Dalam al-Quran menggunakan lafaz **أَعْمَالٌ**. Lafaz ini adalah bentuk *jamak* daripada ‘amal (عَمَلٌ) yang bermakna pekerjaan dan perbuatan (Zulkifli Mohd Yusoff, 2009). Dalam *Kamus al-Munjid* dijelaskan, ‘amal adalah perbuatan yang disengajakan atau dengan maksud. *Amal* mencakupi perbuatan hati dan anggota badan, ia mengisyaratkan perbuatan yang berterusan, sebagaimana Allah menerangkan, (يَعْمَلُونَ لَهُ مَا يَشَاءُ). Al-Kawafi menyatakan, perbuatan itu dikatakan ‘amal apabila ia terbit daripada fikiran dan renungan. Oleh itu, ia dikaitkan dengan ‘ilm (عِلْمٌ), sehingga setengah sasterawan berkata, lafaz ‘amal (عَمَلٌ) adalah perkataan terbalik daripada lafaz ‘ilm (عِلْمٌ). Hal ini mengisyaratkan amal adalah sebahagian daripada ilmu. ‘Ilm juga adalah sumber *af’al* (أَفْعَالٌ) atau perbuatan. Al-‘Amal (amalan) adalah natijah yang timbul daripada al-‘amil (orang yang melaksanakan amal itu), sama kedudukannya seperti *al-Hukm* (hukum) iaitu hasil daripada ‘illah (sebab timbulnya hukum itu). Lafaz amal disebut 41 kali dalam al-Quran iaitu sebanyak 2 kali dalam surah al-Baqarah ayat 139,167,217; Ali Imran ayat 22; al-Maidah ayat 53; al-‘A’raf ayat 147; al-Anfal ayat 48; al-Taubah ayat 17, 69, 37; Hud ayat 15, 111; Ibrahim ayat 18, al-Nahl ayat 63, al-Kahf ayat 103, 105; al-Mukminun ayat 63; al-Nur ayat 39; al-Naml ayat 4,24; al-Qasas ayat 55; al-‘Ankabut ayat 38; al-Ahzab ayat 19, 71; al-Syura ayat 15, al-Ahqaf ayat 19; Muhammad ayat 1, 4, 8, 9, 28, 30, 32, 33, 35; al-Hujurat ayat 2, 14; al-Zalzalah ayat 6.

Kerjaya adalah sebagai satu rangkaian pekerjaan yang melibatkan diri seseorang individu. Sesetengah individu mungkin akan kekal dengan satu pekerjaan sahaja sepanjang hidupnya sementara individu yang lain mungkin akan bertukar-tukar pekerjaan. Proses kerjaya merupakan satu proses yang berterusan dengan seseorang itu melibatkan diri dalam siri tugas perkembangan yang perlu bagi perkembangan peribadi dalam dunia pekerjaan (Sidek Mohd Noah, 2002). Kerjaya turut merangkumi persediaan-persediaan yang dilakukan oleh seseorang individu sebelum bekerja dan juga peranan-peranan lain yang dilakukan olehnya selepas bersara. Selain itu, kerjaya juga merupakan satu siri keadaan yang berlaku secara berturutan dalam kehidupan seseorang yang berkaitan dengan pemilihan kerjaya, peranan yang dimainkan serta status seseorang sepanjang kehidupannya (Paul dan Jean, 2007; Sidek Mohd Noah, 2002).

Justeru, maksud “kerjaya” dalam kajian ini hanyalah memfokuskan kepada wanita yang telah berumah tangga dan bekerja dalam kumpulan pengurusan dan profesional dalam sektor awam sebagai peserta kajian ini. Lantaran itu, kumpulan wanita yang bekerja dalam sektor awam kategori pengurusan dan profesional di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Manakala kumpulan *primier* dan sokongan tidak terlibat dalam kajian. Hal ini disebabkan oleh keterbatasan masa pengkaji untuk


menyiapkan kajian dalam tempoh masa tertentu dan juga kemampuan pengkaji dari aspek kos operasi kajian.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif sepenuhnya bagi menjawab objektif dan persoalan kajian yang telah digariskan (Gall *et al.*, 2005; Mohamad Najib, 2003). Pengumpulan data melibatkan temu bual mendalam melibatkan wanita bekerjaya dan berumah tangga sektor awam dan analisis dokumen tokoh, kitab-kitab fiqh, buku, jurnal dan kertas kerja berkaitan kajian. Pengkaji menggunakan reka bentuk kajian pelbagai kes (*multiple-case design*) yang melibatkan pengumpulan maklumat secara sistematik, jelas dan mendalam berkaitan amalan fiqh sains rumah tangga dan kerjaya wanita cemerlang di Institusi Pengajian Tinggi Awam (Gall *et al.*, 2005; Mok Soon Sang, 2010). Kajian ini dikenali sebagai kajian pelbagai kes kerana melibatkan wanita cemerlang yang berbeza namun mempunyai ciri-ciri yang sama. Selain itu, kajian ini juga dilakukan di lokasi dan masa yang berbeza (Richard Holmes *et al.*, 2005). Penggunaan metode temu bual mendalam (*in-depth interview*) menunjukkan kajian dilakukan secara *natural* terhadap fenomena terlibat (Gall *et al.*, 2005).

Sample Kajian

Sample kajian ini melibatkan wanita cemerlang kumpulan pengurusan dan profesional sektor awam. Lokasi kajian ini ialah di Universiti Teknologi Malaysia. Rajah berikut menjelaskan prosedur persemplana secara terperinci.



Rajah 1.1 Prosedur Persempelan Kajian

Jelasnya, rajah 1.1 menjelaskan lagi proses persampelan kajian yang menggunakan pendekatan kualitatif sepenuhnya. Peserta kajian utama ialah wanita cemerlang kumpulan pengurusan dan professional sektor awam jelas menggunakan *purposive* sampling (persampelan bertujuan). Antara ciri-ciri peserta kajian yang diperlukan dalam kajian ini ialah :

- 1) Wanita tersebut mestilah seorang wanita yang bekerja dalam kumpulan pengurusan dan professional di sektor awam.
- 2) Wanita berkenaan telah berumah tangga.
- 3) Wanita tersebut telah mencipta kejayaan dalam kerjaya mereka.
- 4) Wanita tersebut mempunyai anak-anak yang berjaya dan keluarga yang bahagia.
- 5) Wanita tersebut juga mengamalkan syariat Islam ketika bekerja seperti menutup aurat dengan sempurna, menjaga tatasusila pergaulan antara lelaki dan perempuan dan mampu

menyeimbangkan antara tugas kerjaya dan rumah tangga.

- 6) Wanita tersebut juga menjalankan fungsi dan tanggungjawab sebagai seorang isteri dan ibu dalam rumah tangga.


Ciri-ciri ini dipilih bagi memastikan objektif kajian dapat dicapai untuk mengemukakan model wanita bekerja menurut pandangan Islam. Data sokongan temu bual melibatkan suami dan majikan atau pentadbir jika wanita cemerlang tersebut merupakan ketua di tempat kerja juga menggunakan *purposive sampling* kerana melibatkan individu yang tetap dan khusus (Welman *et al.*, 2005). Sementara rakan sekerja wanita cemerlang dipilih menggunakan *snow ball sampling* berdasarkan ciri-ciri dan kriteria yang mirip dengan peserta kajian. Wanita cemerlang akan memberikan cadangan rakan sekerja yang sesuai untuk di temu bual (Pittenger, 2003; Welman *et al.*, 2005; Neuman, 2007; Parmjit Singh, 2006; Chua Yan Piaw, 2011, Mok Soon Sang, 2010). Anak wanita cemerlang dipilih menggunakan *convenience sampling*

(persampelan secara kebetulan). Hal ini disebabkan bilangan anak wanita cemerlang yang ramai dan berada di lokasi yang berbeza. Maka, seorang anak yang tinggal bersama atau hampir dengannya serta mudah ditemui dipilih bagi mendapatkan data kajian (Chua Yan Piaw, 2011).

Metode Analisis Data Temu Bual

Proses penganalisaan data kualitatif dianggap sebagai satu proses yang sukar dan memerlukan ketekunan dan kesabaran. Data kualitatif adalah bersifat dinamik,

intuitif dan melibatkan proses pemikiran serta pembentukan teori yang kreatif (Tiawa *et al.*, 2005). Analisis data temu bual sebagai data utama melibatkan proses yang sistematik seperti persiapan nota lapangan dan transkrip, pengkodan, mengesan dan membina tema utama, membina sub tema dan sub-sub tema, penilaian pakar dan penentuan tahap Cohen Kappa, pembentukan jadual matrik & menganalisis tema, mempersembahkan hasil kajian (Welman *et al.*, 2005). Carta alir proses analisis data temu bual diterangkan dalam Jadual 1.2 berikut.



Rajah 1.2 Proses Penganalisaan Data Temu Bual (Welman *et al.*, 2005)

Gambaran pembentukan tema terhasil daripada sorotan kajian lepas (Tiaw *et al.*, 2005). Namun begitu, pengkaji tidak boleh bergantung kepada tema-tema kajian dalam sorotan kajian kerana data-data mentah tersebut juga akan menghasilkan tema-tema yang baru atau berbeza sedikit dengan tema sedia ada. Pengkaji harus bersifat terbuka dalam pembentukan tema ini. Data yang dikeluarkan dalam bentuk transkrip sepertimana proses yang telah diterangkan kemudiannya dibentuk verbatim data. Verbatim data ini dimasukkan dalam perisian berkomputer Nvivo untuk mengesan tema utama dan sub-sub tema yang terlibat (Uwe Flick *et al.*, 2004). Pelbagai program komputer disediakan untuk membantu proses analisis data kualitatif. Pemilihan Nvivo adalah bersesuaian dengan cara kerja pengkaji dan permasalahan kajian berkaitan fiqh sains rumah tangga wanita bekerjaya bagi memudahkan pembentukan model dilakukan di akhir kajian (Uwe Flick *et al.*, 2004).


DAPATAN KAJIAN

Kajian kualitatif yang dijalankan terhadap wanita cemerlang sektor awam dan individu sokongan utama melibatkan suami, anak, majikan dan rakan sekerja telah menghasilkan model kemahiran utama yang diperlukan

sebagai inspirasi dan pedoman wanita bekerjaya serta institusi yang terlibat.

Model Kemahiran Utama Wanita Bekerjaya dan Berumah Tangga Masa Kini

Secara umumnya, kajian ini telah menghasilkan satu model berkaitan kemahiran yang diperlukan bagi wanita bekerjaya dan berumah tangga masa kini. Jelasnya, wanita moden hari ini memerlukan pelbagai kemahiran seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.3 di bawah:



Rajah 1.3 Menunjukkan Model Kemahiran Utama Wanita Bekerjaya dan Berumah Tangga

Kemahiran Utama

Wanita bekerja dan berumah tangga menjalankan dua fungsi utama dalam kerjaya dan rumah tangga secara serentak (Bushrah, 2006). Walau pun hakikatnya, tugas utama wanita adalah menguruskan rumah tangga (al-Qardawi, 1998; Muhammad 'Uqlah, 1989; Al-Zuhaili, 2008, Al-Hashimi, 2005; Al-Buty, 1996).

Lantaran itu, wanita yang ingin mencapai kecemerlangan perlu melengkapkan diri dengan perbagai kemahiran bagi memastikan kedua-dua amanah ini mampu digalas dengan baik sepertimana yang telah ditetapkan oleh Islam. Hasil kajian menunjukkan kemahiran utama yang diperlukan oleh wanita masa kini seperti dalam Jadual berikut:

Jadual 1.1 Kemahiran utama wanita bekerja dan berumah tangga

Bil.	Ciri
1.	Bahasa Inggeris Arab
2.	ICT Telefon pintar Perisian komputer Face book Internet
3.	Keibubapaan Professional
4.	Komunikasi Mengacara majlis Membentang kertas kerja Memberi arahan Menegur kesalahan
5.	Memandu
6.	Memimpin organisasi
7.	Mengurus Masa Pejabat/Kerjaya Rumah tangga Menyediakan jadual memasak Melatih anak-anak menguruskan diri sendiri Melibatkan ahli keluarga menguruskan rumah Tekanan
8.	Psikologi
9.	Menyelesaikan masalah
10.	Membaca al-Quran
11.	Menulis

Jadual 1.1 di atas menerangkan bahawa 11 kemahiran utama yang diperlukan oleh wanita era globalisasi kini mencakupi pelbagai aspek seperti kemahiran bahasa, penguasaan dalam teknologi maklumat atau ICT, menulis, keibubapaan professional, psikologi, menyelesaikan masalah, memandu, memimpin organisasi, komunikasi dan kemahiran mengurus melibatkan pengurusan tekanan, masa, kerjaya dan rumah tangga.

KEMAHIRAN SAINS DAN TEKNOLOGI

Jelasnya, kajian ini menunjukkan bahawa kemahiran berkaitan sains dan teknologi amat diperlukan oleh wanita bekerja dan berumah tangga. Kemahiran

teknologi maklumat dan komunikasi merupakan salah satu elemen penting satu untuk mencapai wawasan negara dalam melahirkan tenaga kerja yang profesional dan berkemahiran tinggi. Ini selaras dengan dengan pelan Pembangunan Pendidikan 2006-2010, yang menegaskan kemahiran ICT merupakan satu faktor penting dalam membentuk masyarakat berpengetahuan dan menjurus ke arah K-ekonomi (Megat Zakaria, 2007). Kemahiran ini terus menjadi perhatian dan asas yang penting apabila wanita terlibat dalam pelaksanaan tugas sebagai perancang, ketua dalam organisasi, perundingan, latihan, pembuat keputusan dan polisi dalam bidang tertentu. Kepentingan wanita dalam sesebuah negara menyebabkan nasib wanita diperjuangkan menerusi Dasar Wanita Negara. Rancangan

Malaysia Kesepuluh atau RMK-10 menjelaskan bahawa Dasar Wanita Negara telah membantu meningkatkan penyertaan wanita dalam kumpulan pengurusan di sektor awam daripada 18.8% pada tahun 2004 kepada 30.5% pada tahun 2010, manakala bagi sektor swasta meningkat daripada 13.5% kepada 26.2% (Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri, 2010).

Jadual 1.1 berikut menjelaskan bilangan Ketua Setiausaha di kalangan wanita adalah seramai 4 orang pada

tahun 2010 dan meningkat kepada 5 orang pada tahun 2011. Bilangan Timbalan Ketua Setiausaha pula mencecah 17 orang pada tahun 2010 dan 16 orang pada tahun 2011. Dalam tempoh Rancangan, kerajaan juga akan meningkatkan usaha untuk melaksanakan kuota sekurang-kurangnya 30% wanita di peringkat pembuat keputusan (Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri, 2010).

Jadual 1.1 : Wanita di Peringkat Pembuat Keputusan di Sektor Awam, 2010 dan 2011 (Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga, 2011)

Jawatan	2010				2011*			
	Jumlah	Lelaki	Perempuan	% Perempuan	Jumlah	Lelaki	Perempuan	% Perempuan
Ketua Setiausaha Negara	1	1	0	0	1	1	0	0
Ketua Setiausaha	24	20	4	16.7	24	19	5	20.8
Timbalan Ketua Setiausaha	57	40	17	29.8	58	42	16	27.8
Ketua-ketua Pengarah, Pengarah dan Pengurus Besar Badan-badan Berkanun	43	35	8	18.6	43	37	6	14
Ketua-ketua Pengarah Jabatan Persekutuan	110	92	18	16.4	87	69	18	20.7
Jumlah	235	188	47	20	213	168	45	21.1

Nota : * seperti pada Jun 2011

Sumber : Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa, Jabatan Perdana Menteri

Menyadari hakikat ini, kualiti dan produktiviti perkhidmatan awam sentiasa dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Dalam perkhidmatan awam ini, penjawat awam digalakkan bukan hanya memiliki integriti dan menjalankan tugas dengan setia tetapi juga seorang yang proaktif, inovatif dan memikul tanggungjawab untuk memberikan perkhidmatan yang memenuhi kehendak masyarakat umum. Mereka mestilah memiliki profesionalisme dalam keperibadian meliputi semua perlakuan dan tingkah laku sama ada dalaman atau luaran sebagai satu cara menunjukkan tanggungjawab sosial (Mohd Koharuddin *et al.*, 2012). Data-data yang ditunjukkan mencerminkan bahawa penglibatan wanita dalam sektor pekerjaan akan bertambah dari semasa ke semasa sejajar dengan peningkatan wanita yang berkeelayakan dan berpendidikan tinggi. Pertambahan ini menunjukkan peranan wanita semakin diperlukan sejajar dengan perkembangan dan kemajuan negara (Kamarul Azmi dan Siti Fauziyani, 2007). Dewasa ini wanita dituntut agar mendalami pelbagai disiplin ilmu. Kemahiran tersebut dapat menjamin pekerjaan yang baik dalam kalangan mereka bagi menampung kehidupan terutamanya apabila berlaku musibah dan kehilangan tempat pergantungan (Kamarul Azmi dan Siti Fauziyani, 2007). Antara kemahiran utama berkaitan teknologi maklumat atau ICT yang diperlukan oleh wanita hari ini dijelaskan dalam bahagian berikut.

Face Book

Pada mulanya face book merupakan medium jaringan sosial yang terkenal di Amerika Syarikat. Laman

sosial ini diperkenalkan oleh pelajar Universiti Harvard iaitu Mark Zuckerberg. Sekarang pengguna laman sosial ini telah mencecah 316 juta orang di seluruh dunia berdasarkan statistik pendaftaran pemakai akaun yang sah (Mohd Zuwairi, 2010). Penggunaan *face book* kini menjadi jaringan utama dalam perhubungan antara seseorang dengan seseorang individu yang lain. Data kajian menunjukkan bahawa wanita bekerjaya dan berumah tangga zaman dunia tanpa sempadan ini perlu menguasai *face book* sejajar dengan keperluan semasa. Penggunaannya boleh membantu perhubungan antara individu di peringkat nasional mahu pun antarabangsa. Hal ini memudahkan urusan perkerjaan dan penyelidikan semasa yang dilakukan. Seorang yang bergelar ibu moden juga perlu menguasainya kerana remaja hari ini menggunakan saluran tersebut untuk berhubung berkaitan urusan persekolahan. Kenyataan temu bual adalah seperti berikut:

“Seperti *face book* kita sebagai ibu terpaksa kerja lebih sikitlah. Tanggungjawab memantau dengan siapa mereka berkawan dan perkara apa yang dibincangkan. Saya pastikan anak-anak akan add saya sebagai friend. Mereka perlu guna *face book* untuk belajar sebab home work pun dapat melalui *face book*.”

(RSWC, 2013)

Penggunaan *face book* dalam kalangan remaja perlu dipantau kerana laman ini juga

boleh membawa keburukan sekiranya tidak dikendalikan dengan baik. Hal ini kerana, laman sosial *face book* sangat popular dan digemari oleh remaja berumur antara 18 hingga 24 tahun (Mohd Zuwairi, 2010). Justeru, penggunaan dan kemahiran berkaitan laman sosial ini menjadi satu kepentingan terhadap ibu bapa dan pekerja zaman moden.

Perisian Komputer dan Internet

Seseorang yang menggunakan komputer harus mempunyai kemahiran asas mengenai komputer, berkemahiran berkomunikasi menggunakan komputer, berkemahiran menggunakan perisian pemproses kata, perisian bibliografi, perisian pangkalan data, perisian hampan elektronik, perisian berkaitan statistik, grafik, menggunakan teknologi internet, laman web serta pengetahuan mengenai bagaimana komputer berfungsi (Megat Zakaria, 2007). Kenyataan temu bual menunjukkan kepentingan tersebut:

“Kemahiran komputer sangat perlu. Jika tidak susahlah untuk kita menguruskan tugas...contohnya mencari bahan seperti jurnal dan e-book. Kita kenalah tahu.”

(RSWC, 2013)

Kemahiran komputer dan internet memudahkan urusan pekerjaan untuk memperolehi pelbagai maklumat menerusi laman sesawang untuk melakukan penyelidikan, penghasilan kertas kerja dan hal ehwal pekerjaan melibatkan hala tuju dan perkembangan sesuatu institusi. Kemahiran komputer dan internet memudahkan perhubungan dan pencarian ilmu dan maklumat dengan lebih pantas. Pelbagai masalah berkaitan pekerjaan dan penyelidikan contohnya juga boleh diselesaikan dengan penggunaan perisian komputer terkini. Hal ini disokong oleh kajian Muhammad Djajadi et.al. (2012) yang menunjukkan bahawa sebahagian besar guru fizik memerlukan ICT (78%) bagi mengembangkan profesionalnya.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, model kemahiran ini amat diperlukan oleh wanita bekerjaya dan berumah tangga masa kini dalam usaha mewujudkan kestabilan antara dua peranan besar yang dilakukan. Kajian ini membuktikan bahawa wanita perlu memiliki kemahiran untuk mencapai kejayaan dunia dan akhirat. Malahan,

RUJUKAN

- [1] Abu Malik Kamal al-Sayid Salim (2010). *Fiqih Sunnah Wanita*. (Terjemah Oleh M.Taqdir Arsyad), Jakarta Timur: Griya Ilmu.
- [2] Abu Malik Kamal Al-Sayid Salim (2012). *Ensiklopedia Fiqah Wanita Muslimah* (Terjemah Mohd Sofwan Amirullah). Selangor: JASMINE Enterprise.
- [3] Al-Buty, Muhammad Sa'ied Ramadan (1996). *Al-Mar'ah Baina Thu'yan an-Nizham al-Gharbiy Wa Lathoifi At-Tasyri' al-Rabbani*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- [4] Al-Hashimi, Muhammad Ali (2005). *The Ideal Muslimah, Syakhsyiyah al-Mar'ah al-Muslimah*. Saudi Arabia: International Islamic Publishing House (IIPH).
- [5] Al-Khin, Mustofa, al-Bugho, Mustofa, dan Ali Asy Syarbaji (1996). *Al-Fiqhu manhaji 'ala Mazhabi al-Imam al-Syafie*. Beirut : dar al-Qalam.
- [6] Al-Qardawi, Yusof (1998). *Fatawa Mu'asarah*. Kuwait: Dar al-Qalam li Al-Nasri wa al-Tauzi'i.
- [7] Al-Zuhaili, Wahbah (2008). *Al-Fiqhu al-Islami wa Adillatuhu*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- [8] Basri bin Ibrahim al-Hasani al-Azhari (2007), *Fiqh Perbandingan Isu-isu Fiqh Terpilih*, Kuala Lumpur: al-Hidayah Publishers.
- [9] Buletin Jabatan Perangkaan Malaysia 2010.
- [10] Bushrah Basiron (2006). *Wanita Cemerlang*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- [11] Chua Yan Piaw (2011). *Kaedah Penyelidikan Edisi Kedua*. Serdang: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- [12] Djajadi, Muhammad and Sumintono, Bambang and Mislan, Nora (2012) Usaha guru fizika dalam mengembangkan profesionalnya: studi kasus di Kota Makasar. *Jurnal Pengajaran MIPA*, 17 (2). pp. 226-237.
- [13] Gall, Joyce P., Gall, M.D., and Borg, Walter R. (2005). *Applying Educational Research a Practical Guide*. Boston: PEARSON.
- [14] Kamarul Azmi Jasmi dan Siti Fauziyani Md. Saleh @ Masrom (2007). *Pendidikan dan Pembangunan Keluarga Cemerlang*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- [15] Kamus Dewan, Edisi Ketiga, (2000). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- [16] Kaulah Abdul Latief Al-Atiqi, (1999). *Wanita Islam Hari Ini Kerja Dan Fungsinya*. Selangor: Pustaka IImi.h.84.
- [17] Megat Zakaria, Megat Aman Zahiri and Aris, Baharudin and Harun, Jamalludin (2007). *Kemahiran ICT di kalangan guru-guru pelatih UTM : satu tinjauan*. Smart Teaching & Learning: Re-engineering ID, Utilization and Innovation of Technology, 2 . ISSN 983-42733-2-3
- [18] Mohamad Najib Abdul Ghafar (2003). *Reka Bentuk Tinjauan Soal-Selidik Pendidikan*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- [19] Mohamed Sharif Mustaffa, dan Roslee Ahmad (2006). *Bimbingan & Kerjaya Konsep dan Amalan*

- Kontemporari*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- [20] Mohd Nawi Ab Rahman (2000). *Teras Penyelidikan*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- [21] Mohd Zuwairi Mad Saad (2010). *Peranan Face Book dalam Memupuk Interaksi antara Budaya*. Dalam Kertas Kerja Seminar Komunikasi antara Budaya, Pusat Pengajian Media dan Komunikasi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- [22] Mok Soon Sang (2010). *Penyelidikan dalam Pendidikan, Perancangan dan Pelaksanaan Penyelidikan Tindakan*. Selangor : Penerbit Multimedia Sdn. Bhd.
- [23] Muhammad 'Uqlah (1989). *Nizom al-Ushrah fi al-Islam*. 'Amman: Maktabah al-Risalah al-Hadithah.
- [24] Najib Tun Razak (2013). Kerajaan Komited Terus Perkasa, Upayakan Wanita. Utusan Malaysia. Diperoleh pada 17 Mac 2013.
- [25] Neuman, W. Lawrence (2007). *Basics of Social Research Qualitative and Quantitative Approaches*. 2th Edition. Boston: Pearson.
- [26] Nik Safiah Karim (2006). Pencapaian Wanita Malaysia. Dalam Siti Fatimah Abdul Rahman. *Memahami Kedudukan Wanita Berjaya dari Perspektif Islam* (pp.7-17). Selangor: MPH Group Publishing Sdn Bhd.
- [27] Parmjit Singh, Chan Yuen Fook and Gurnam Kaur Sidhu (2006). *A Comprehensive Guide to Writing A Research Proposal*. United Kingdom: Venton Publishing.
- [28] Puntney, K.N (2012). International Careers: The Gap Between Student Interest and Knowledge. *Journal of Studies and International Education*, 16 (4): 390-407.
- [29] Raihanah Azahari (2007). Permasalahan Rumah Tangga: Kajian di Unit Undang-undang Keluarga Jabatan Agama Islam Daerah Petaling, Selangor. *Jurnal Syariah*, 15 (1): 115-128.
- [30] Ranjit Kumar (2011). *Research Methodology*. (3th Edition). Los Angeles: SAGE.
- [31] Richard Holmes, Hazadiah Mohammad and Habibah Ashari (2005). *A Guide to Research in the Social Sciences*. Petaling Jaya: Prentice Hall.
- [32] Rincy V.M. dan Panchanatham (2011). An Exploratory Study on the Work Life Balance of Women Entrepreneurs In South India. *Asian Academy of Management Journal*, 16 (2), 77-105.
- [33] Rohany Nasir (2003). *Isu-isu Kaunseling Dan Perkembangan Kerjaya*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- [34] Sharifah Hayaati Syed Ismail al-Qudsy (2011). Integriti Menurut Perspektif Islam dan Moden : Asas Sistem Penyampaian dan Perkhidmatan Berkualiti. *Jurnal Pengurusan Awam, Jabatan Perkhidmatan Awam*, 8 (1): 1-24.
- [35] Siti Fatimah Abdullah (1985). Wanita dan Pekerjaan : Satu Analisis Konflik Peranan. *Jurnal Akademia*, (27): 78-93.
- [36] Siti Zalkhah Md. Nor, dan Zaleha Kamaruddin (2010). *Keluarga Syurga, Wanita dan Undang-undang*. Kuala Lumpur: Blue-T Publication Sdn Bhd.
- [37] Sohair Abdel Moneim Sery (1995). Wanita Bekerja dan Cabarannya. *Al-Maw'izah Jurnal Pengajian Islam Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia*. (3): 103-104.
- [38] Tiawa, Dayang and Hafidz, Ahmad and Sumarni, Rio (2005) *Aplikasi Perisian NVIVO Dalam Analisis Data Kualitatif* In: Qualitative Conference, 21-23 August 2005, Sofitel Resort Senai.
- [39] Uwe Flick, Ernst Von Kardorff and Ines Steinke (2004). *A Companion to Qualitative Research*. London: SAGE Publications.
- [40] Welman, Kauger, Mitchell (2005). *Research Methodology*. (3th Edition). Southern Africa: Oxford University Press.
- [41] Zainab al-Ghazali, (2004). *Nasihat Untuk Wanita*, Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.